



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	31/8/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	:	34
JABATAN	:	JPNS			

# Selangor ganti hutan simpan kekal 581.48 hektar

**Shah Alam:** Selangor meluluskan 581.48 hektar tanah di daerah Sabak Bernam, Hulu Selangor dan Hulu Langat, di sini, sebagai kawasan gantian hutan simpan kekal (HSK) pada Mei lalu.

Kawasan itu membatiskan mukim Sungai Panjang di daerah Sabak Bernam seluas kira-kira 308.62 hektar; Ampang Pecah, mukim Buloh Telor daerah Hulu Selangor (208.98 hektar) dan Bukit Broga, mukim Semenyih daerah Hulu Langat (63.88 hektar).

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli Selangor, Hee Loy Sian, berkata keputusan itu dibuat menerusi Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 5 Mei dan disahkan pada 19 Mei lalu.

"Secara umumnya, kerajaan Selangor masih dapat mengekalkan keluasan HSK di negeri ini tidak kurang daripada 30 peratus.

"Selepas mengambil kira keluasan HSK yang akan

dinyahwartakan dan kawasan gantian baharu, jumlah keluasan HSK adalah kira-kira 250,255.36 hektar iaitu pertambahan sekitar 47.97 hektar," katanya ketika menggulung pertanyaan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di sini, semalam.

Beliau menjawab soalan Elizabeth Wong Keat Ping (PH-Bukit Lanjan), Lim Yi Wei (PH-Kampung Tunku), Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi (PAS-Sijanggang), Datuk Mohd Imran Tamrin

(BN-Sungai Panjang), R Rajiv (PH-Bukit Gasing) yang ingin mengetahui status penyahwar-taan HSK Kuala Langat Utara dan isu cadangan penambahan keluasan HSK.

Loy Sian berkata, pada mesyuarat yang sama, MMKN turut memutuskan hanya kira-kira 536.70 hektar daripada keseluruhan kawasan HSK Kuala Langat Utara diluluskan untuk dinyahwarta mengikut Seksyen 12, Enakmen (Pemakaian) Akta

Perhutanan Negeri Selangor 1985.

"Jumlah keluasan HSK Kuala Langat Utara yang ingin dinyahwarta ini adalah kurang 45 peratus daripada jumlah asal yang dicadangkan iaitu kira-kira 991.90 hektar.

"Hal ini kerana kerajaan negeri mengambil kira bantahan dan kepentingan biodiversiti serta kepentingan Orang Asli, justeru hanya sebahagian HSK Kuala Langat Utara yang dinyahwarta," katanya.

**BH, 31 Ogos  
2021 34**

